# TEKS UCAPAN
## YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
## MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# SEMPENA
## SIMPOSIUM PENGUKUHAN POLISI KEPADA REALITI KEGANASAN RUMAH TANGGA: MENDEPANI CABARAN DAN PEMERKASAAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

# LOKASI | TARIKH | MASA
## HOTEL INTERCONTINENTAL KUALA LUMPUR
## 5 NOVEMBER 2026 (KHAMIS) | 9.30 PAGI

Kemas kini pada 2 November 2026



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera,**

**Salam Malaysia MADANI,**

**Terima kasih kepada pengacara majlis.**

**[ SALUTASI ]**

**PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN**

1. *Alhamdullilah*, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir dan meluangkan masa ke **Simposium Pengukuhan Polisi kepada Realiti Keganasan Rumah Tangga: Mendepani Cabaran dan Pemerkasaan Institusi Kekeluargaan** pada hari ini.

2. Saya amat berbesar hati melihat kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dari wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), para penyelidik daripada Institusi Pengajian Tinggi, pemegang

kepentingan, hinggalah ke para pemandiri (atau *survivors*), **komitmen kolektif anda semua akan terus memperkukuh usaha membanteras keganasan rumah tangga secara menyeluruh.**

**KELUARGA DAN KESELAMATAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. **Institusi keluarga ialah asas kepada kepada pembentukan sebuah negara yang sejahtera dan harmoni.** Dalam keluargalah nilai kasih sayang, hormat-menghormati,

tanggungjawab dan saling melindungi disemai. Namun, apabila rumah yang sepatutnya menjadi tempat perlindungan paling selamat bertukar menjadi ruang ketakutan dan penderitaan, kesannya bukan sahaja dirasai oleh mangsa, malah turut menjejaskan kesejahteraan keluarga serta keharmonian masyarakat secara keseluruhan.

4. **Keganasan rumah tangga tidak terhad kepada kecederaan fizikal**. Ia turut merangkumi penderaan emosi dan psikologi, keganasan seksual, ugutan, perbuatan mengurung atau menyekat pergerakan, kerosakan harta benda, kawalan

kewangan serta perbuatan mengaibkan dan mengawal mangsa. **Dalam era digital, ancaman juga boleh berlaku melalui pemantauan, gangguan dan ugutan menggunakan teknologi.** Bentuk keganasan ini mungkin tidak meninggalkan kesan yang dapat dilihat, tetapi luka emosi dan psikologi yang ditanggung mangsa adalah berpanjangan.

5. Justeru, keganasan rumah tangga tidak boleh dianggap sebagai urusan dalaman keluarga yang wajar didiamkan, sebaliknya perlu ditangani sebagai **isu keselamatan dan pelanggaran hak asasi manusia** yang menuntut perhatian

serta tindakan daripada semua pelbagai pihak secara sistematik. Kita perlu melihat isu ini dari pelbagai lensa dan perspektif.

6. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak **7,116 kes keganasan rumah tangga pada tahun 2024** berbanding **7,391 kes pada tahun 2025.** Ini menunjukkan **peningkatan sebanyak 3.9%.** Tahun ini pula, sebanyak **5,862 kes telah dilaporkan sehingga September 2026.** Di sebalik setiap angka itu ada individu dan keluarga termasuk kanak-

kanak yang memerlukan **perlindungan, sokongan dan pemulihan.**

**KOMITMEN KERAJAAN**

Puan-puan dan tuan-tuan yang saya hormati,

7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berazam untuk terus memastikan **setiap individu dapat hidup dalam persekitaran yang selamat, inklusif dan bermaruah**. Pendekatan yang dilaksanakan tidak hanya tertumpu kepada aspek perlindungan selepas sesuatu insiden berlaku, tetapi merangkumi usaha pencegahan, intervensi

awal, pemulihan dan pemerkasaan agar akar permasalahan dapat ditangani secara lebih menyeluruh dan mampan.

8. Dalam usaha memperkukuh institusi keluarga, Kementerian telah melancarkan **Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) 2026-2030** sebagai respons terhadap perubahan demografi, peningkatan risiko sosial, ketidakseimbangan kerja dan keluarga, isu kesihatan mental, perkembangan teknologi digital serta dinamik keluarga yang semakin kompleks.

9. Namun, dasar tanpa pelaksanaan hanyalah dokumen. Sehubungan dengan itu, KPWKM turut mengukuhkan ekosistem perlindungan melalui pelbagai inisiatif lain seperti **Program *Wonderful Life*** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat manakala Jabatan Pembangunan Wanita memperluaskan Program **Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga** bagi meningkatkan kesedaran dan pencegahan keganasan rumah tangga dalam kalangan masyarakat.

10. JPW turut memperkasakan **Program Sukarelawan Skuad WAJA** sebagai benteng komuniti bagi meningkatkan kesedaran isu keganasan terhadap wanita dan keselamatan sosial di peringkat akar umbi.

11. Bagi intervensi emosi dan krisis, KPWKM menyediakan **perkhidmatan kaunseling dan intervensi psikososial** menerusi kaunselor-kaunselor berdaftar di bawah **Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)** demi membantu individu serta keluarga mendepani tekanan emosi dan krisis kehidupan.

12. Selain itu, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyediakan perkhidmatan sokongan sosial melalui **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** di peringkat komuniti bagi memberikan sokongan dan intervensi awal kepada golongan yang memerlukan.

13. Pendekatan KPWKM adalah inklusif dan kita turut memberikan perhatian kepada golongan lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menerusi **Modul Kebapaan: Peneraju Kepimpinan Keluarga** menekankan kemahiran

kebapaan, pengurusan emosi, komunikasi dan penyelesaian konflik keluarga secara harmoni.

14. Dalam membangunkan polisi berasaskan *evidence-based,* LPPKN turut melaksanakan **Kajian Lelaki Budiman** yang dianjurkan dari **tahun 2026 hingga pertengahan tahun 2027.** Kajian ini dilaksanakan khusus untuk mengenal pasti keperluan serta cabaran golongan lelaki sebagai asas kukuh bagi pembentukan dasar dan intervensi bersasar masa hadapan**.**

15. **Talian Kasih 15999** yang beroperasi 24 jam sehari, 365 hari setahun diteruskan sebagai saluran untuk menerima sebarang pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan berkaitan keganasan rumah tangga. Sebagai alternatif, aduan juga boleh dibuat dengan menghantar mesej ke aplikasi **WhatsApp 01926-15999**.

16. Untuk makluman, trend peningkatan jumlah panggilan yang direkodkan saban tahun membuktikan bahawa masyarakat kini lebih peka dan meletakkan kepercayaan kepada Talian Kasih sebagai saluran aduan dan pertolongan awal.

**SIMPOSIUM: MENGUPAS ISU BAGI MEMANDU HALA TUJU**

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, kita perlu mengakui bahawa **masih terdapat ruang penambahbaikan**. Oleh itu, simposium ini menjadi **platform untuk mendapatkan input dan pandangan daripada pemegang kepentingan** serta **para pemandiri** yang seterusnya membantu dalam mengenal pasti cabaran yang dihadapi, menilai keberkesanan pendekatan sedia ada dan merangka langkah

penambahbaikan bagi memperkukuh mekanisme sokongan dan perlindungan kepada mangsa.

18. **Simposium ini diadakan dalam dua siri. Siri pertama** bermula **hari ini sampai esok di Kuala Lumpur** manakala **siri kedua** pada **pertengahan November di Kelantan**. Segala input yang diperoleh akan dianalisis dan dirumuskan ke arah menyediakan **laporan hala tuju dan resolusi** menangani isu keganasan rumah tangga.

19. Justeru, saya menyeru kepada peserta simposium: **manfaatkanlah ruang ini sepenuhnya**. Berbincanglah secara jujur, telus, dan terbuka. Hulurkan pandangan yang membina. Isu keganaan rumah tangga ini isu nasional, kita memerlukan **sinergi ekosistem, semangat kerja sepasukan, dan kolaborasi** merentas kementerian, agensi, NGO, serta seluruh lapisan masyarakat.

**PENUTUP**

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh peserta simposium, para ahli panel, para jurulapor, serta Ahli Jawatankuasa Penganjur yang sama-sama menjayakan simposium ini. Syabas kepada anda semua!

21. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Simposium Pengukuhan Polisi kepada Realiti Keganasan Rumah Tangga: Mendepani Cabaran dan Pemerkasaan Institusi Kekeluargaan**.

Sekian, terima kasih.